
Menerima keputusan ujian gen BRCA1 dan BRCA2 positif

Lembaran Maklumat Pesakit (PIS-3)

Lembaran maklumat ini adalah untuk pesakit kanser yang menjalani ujian gen BRCA1 dan BRCA2. **Keputusan ujian anda adalah positif, yang bermaksud anda mempunyai varian patogenik atau perubahan signifikan pada gen yang diketahui menyebabkan penyakit sama ada dalam gen BRCA1 atau BRCA2. Butiran perubahan gen yang ketara ditunjukkan dalam laporan anda.**

Apakah makna keputusan ini kepada saya?

Perubahan gen yang signifikan dalam gen BRCA1 atau BRCA2 meningkatkan risiko mendapat kanser payudara atau ovari. Ini menerangkan sebab anda menghidap kanser.

Keputusan ini mungkin mempengaruhi pelan rawatan semasa anda dan/atau susulan. Pasukan kanser harus membincangkan perkara ini bersama anda. Varian patogenik dalam gen BRCA1 dan BRCA2 boleh memberi kesan pada risiko masa depan anda untuk mendapat kanser lain. Ini bermakna anda mungkin memerlukan pemeriksaan lanjut kanser dan mungkin perlu mempertimbangkan langkah untuk mengurangkan risiko tersebut.

Apakah makna keputusan ini untuk ahli keluarga saya?

Keputusan positif ini boleh memberi kesan pada ahli keluarga anda, kerana perubahan gen tersebut boleh diwarisi. Saudara anda mungkin memutuskan sama ada mereka ingin menjalani ujian gen selepas berbincang dengan doktor.

Kepada siapa saya harus bercakap jika saya mempunyai soalan lanjut?

Anda boleh bercakap dengan doktor dari pasukan kanser atau pasukan genetik. Sila buat temu janji untuk membincangkan keputusan anda dengan lebih lanjut. Anda boleh membawa ahli keluarga anda bersama semasa perundingan.

Apa yang akan berlaku selepas ini?

Pasukan kanser akan membincangkan maksud keputusan tersebut kepada anda. Mereka akan membincangkan kepentingan keputusan ini untuk rawatan semasa anda, risiko kanser masa depan anda, pilihan untuk pemeriksaan kanser masa depan dan langkah-langkah untuk mengurangkan risiko kanser pada masa depan.

Bergantung pada keperluan anda, anda mungkin dirujuk kepada pakar bedah payudara, pakar sakit puau, atau pakar genetik. Pakar genetik akan membincangkan lebih lanjut apakah hasil ujian ini bermakna untuk anda dan ahli keluarga anda. Mereka akan membincangkan risiko anda mendapat kanser lain, pilihan anda untuk pemeriksaan kanser dan langkah-langkah untuk mengurangkan risiko kanser pada masa hadapan. Mereka juga akan dapat memberikan sokongan psikososial.

Surat rujukan standard akan disediakan untuk ahli keluarga anda supaya mereka boleh merujuk sendiri kepada perkhidmatan genetik. Mereka boleh membuat temu janji untuk kaunseling genetik untuk mengetahui lebih lanjut tentang risiko kanser masa depan dan mempertimbangkan ujian genetik untuk mengetahui sama ada mereka telah mewarisi perubahan signifikan pada gen BRCA1 atau BRCA2.